

**NO. SOALAN: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI  
[ CHERAS ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Tan Kok Wai [ CHERAS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Bebas bagi Urustadbir (*Independent Commission for Good Governance*) dan Suruhanjaya bagi Agihan Peluang Sama Rata (*Equal Opportunity Commission*) akan ditubuhkan bagi memastikan kesamarataan di antara semua rakyat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah komited dan serius dalam mengwujudkan urustadbir yang baik (*good governance*) dalam pentadbiran negara. Sejak tahun 2009, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) yang bertujuan untuk memantapkan isu-isu tadbir urus dalam perkhidmatan awam. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam mulai bulan Julai 2013 untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan tadbir urus dan dalam masa yang sama dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya bagi Agihan Peluang Sama Rata (*Equal Opportunity Commission*) memandangkan inisiatif di bawah dasar pembangunan inklusif serta mekanisme sedia ada dapat menangani isu-isu berkaitan. Di bawah Model Ekonomi Baru (MEB) dan

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), pendekatan pembangunan inklusif yang diamalkan adalah selaras dengan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan (*growth with distribution*). Pendekatan ini mengambilkira aspek penting seperti keperluan (*needs based*), merit, ketelusan dan mesra pasaran. Langkah-langkah ini adalah selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah RMKe-10, tumpuan khusus diberikan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah termasuk kumpulan khusus seperti masyarakat Orang Asli, minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak, penduduk kampung baru Cina serta pekerja estet yang memerlukan peluang dan sokongan khusus bagi meningkatkan keupayaan mereka meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga terus memperkemaskan peranan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan untuk menangani isu-isu pembangunan inklusif secara lebih berkesan serta terus bekerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) secara aktif untuk membantu menangani isu-isu spesifik berkaitan kemiskinan, sosial dan masyarakat terpinggir.

Sekian, terima kasih.